

SIRI PEMBANGUNAN KELUARGA UTUSAN

Institusi Keluarga Menghadapi Cabaran **ALAF BARU**

ABD. RAHIM ABD. RASHID
SUFEAN HUSSIN
JAMALUDIN TUBAH

Memupuk Nilai Dan Kesejahteraan Keluarga Melalui Ilmu Bela Diri

Abdul Majid Ismail^{a,1}, Safiah Ahmad^b

^aDekan Pusat Pengajian Perumahan Bangunan dan Perancangan, Universiti Sains Malaysia, 11800 Pulau Pinang, Merangkap Tenaga Pengajar Kokurikulum Kebudayaan dan Sukan USM

^bGuru Pusat Bahasa dan Terjemahan, Universiti Sains Malaysia, 11800 Pulau Pinang

¹Emel: abmajid@usm.my

Abstrak

Permasalahan sosial yang melanda masyarakat kita dewasa ini amat membimbangkan semua pihak. Kes-kes keruntuhan moral dan kebejatan sahsiah ini melibatkan semua lapisan dan golongan masyarakat. Punca pada masalah ini dan kaedah penyelesaiannya telah banyak diperbahaskan dalam pelbagai seminar dan telah diterbitkan dalam media cetak mahupun media elektronik oleh para pakar dan mereka yang prihatin dalam isu kemasyarakatan. Jalan penyelesaian yang telah diketemukan perlu diterapkan menerusi pelbagai bidang termasuklah menerusi saluran pendidikan formal dan tidak formal. Semua pihak perlu berperanan untuk menanamkan semula nilai-nilai mulia, pembentukan institusi keluarga yang berteraskan nilai kasih sayang, hormat menghormati dan tahu akan hak dan tanggungjawab masing-masing. Pihak pemerintah, para pendidik, badan bukan kerajaan (NGO), ketua masyarakat dan setiap individu bertanggungjawab memainkan peranan masing-masing bagi membetulkan keadaan ini. Salah satu pendekatan yang berkesan dalam menerapkan nilai mulia secara tidak langsung ialah menerusi input kokurikulum yang bersistem dan terpimpin. Sorotan ke dalam salah satu kegiatan kokurikulum yang telah terbukti berkesan dalam membentuk sahsiah individu dan keluarga ini boleh dijadikan sebagai salah satu model pendidikan tidak formal yang positif. Ilmu Bela Diri khususnya Seni Silat Cekak Malaysia telah berperanan menanamkan sifat-sifat mulia secara terancang menerusi input pendidikannya yang ditanamkan secara tidak langsung tanpa disedari oleh para penuntut. Pendekatan ini diterapkan dalam sukan pelajaran amali dan teori menerusi pantanglarang, pengkalan adat dan tradisi yang positif dan pegangan teguh pada prinsip agama berupaya membentuk peribadi yang tahu mengenang jasa disamping sahsiah diri yang jitu. Pengalaman penulis yang telah beramal dengan prinsip ini dalam usaha menangani disiplin pelajar yang dianggap telah musnah dan tidak berupaya dipulihkan di beberapa buah sekolah bermasalah boleh dijadikan ukuran dan panduan untuk kita kembali membentuk individu yang sayang akan diri, keluarga bangsa dan agama khususnya dalam kemelut yang sedang melanda masyarakat kita dewasa ini. Konsep kekeluargaan yang dibentuk menerusi ilmu bela diri ini amat tinggi nilainya dalam membentuk sebuah masyarakat penyayang atau “caring society” khususnya dalam masyarakat majmuk seperti Malaysia.

Kata Kunci: *Permasalahan sosial, pendidikan tidak formal, ilmu bela diri, nilai-nilai mulia, konsep kekeluargaan, masyarakat penyayang.*

1.0 Pengenalan

Salah satu punca meningkatnya jumlah remaja bermasalah dan kesukaran dalam membendung serta menangani masalah ini di negara kita dewasa ini adalah kerana institusi keluarga yang sepatutnya berperanan membentuk nilai mulia pada peringkat awal telah menjadi lemah dan tidak lagi memainkan peranan dengan sempurna (Moha Asri, 1995) . Di samping itu, kelemahan dalam penguatkuasaan peraturan dan undang-undang terutamanya penguatkuasaan menerusi institusi pendidikan formal dan tidak formal serta faktor persekitaran yang negatif telah merumitkan lagi keadaan ini. Institusi keluarga yang sepatutnya menjadi pengikat ahli keluarga telah longgar ikatannya disebabkan desakan ekonomi dan cara hidup moden yang berpaksikan kebendaan semata. Prinsip agama dan budaya timur yang